BH ONLINE

Rabu, 7 Julai 2021, 9:22am

App Store Google Play

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# Tumpuan vaksinasi di negeri catat kes COVID-19 tinggi

Rafidah Mat Ruzki dan Samadi Ahmad - Julai 6, 2021 @ 4:14pm
bhnews@bh.com.my



Foto fail NSTP

SEPANG: Pengagihan bekalan vaksin ke negeri ketika ini dilakukan berdasarkan beberapa indikator seperti kadar positiviti dan 'kadar insiden' COVID-19 yang tinggi.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata lima negeri menjadi sasaran bulan ini iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Labuan dan Negeri Sembilan selain Kelantan yang menunjukkan peningkatan kes jangkitan.

"Kita buat keputusan hantar (vaksin) berdasarkan kedudukan negeri itu. Sebagai contoh, untuk bulan ini antara negeri yang menjadi sasaran (pemberian vaksin yang tinggi) ialah Selangor, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sembilan.

"Ini (negeri) yang mempunyai kadar insiden yang tinggi. Setiap minggu kita selaraskan pengagihan (vaksin) berdasarkan kepada data dari negeri berkaitan," katanya pada sidang media selepas melawat Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, pagi tadi.

Sementara itu, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata kerajaan tidak bercadang mewujudkan PPV di lokaliti yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), berikutan pelaksanaan perintah kawalan itu bersifat dinamik dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

"Kalau nak hantar vaksin setiap minggu ke kawasan baharu, (sukar) kerana senarai PKPD adalah dinamik. Mungkin minggu ini kawasan itu dikenakan PKPD, minggu depan ia keluar dari PKPD.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

14m MAQIS Selangor serah daging kepada Penjara Penor

19m Ubat artritis kurangkan kematian pesakit COVID-19

42m Kempen amal stesen radio Media Prima dapat sambutan

45m Sabah tuan rumah sambutan Hari Malaysia 2021

1h Peniaga lega dapat berniaga semula

1h Kondominium runtuh: Pencarian sukar susulan ribut Elsa

1h EURO: Pengalaman akan jadikan Sepanyol lebih kuat

1h MAHB buat laporan polis terhadap portal pelaburan

VAKSIN



WILAYAH Jul 6, 2021 @ 6:31pm
1.5 juta terima vaksin di Sarawak



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 6:27pm
Media Prima sediakan pusat vaksin untuk kakitangan



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 5:51pm
58.3 peratus guru sudah divaksin



WILAYAH Jul 6, 2021 @ 5:22pm
Lebih 50 syarikat mahu sertai PIKAS di Negeri Sembilan




NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:32pm
Vaksinasi melepasi 300,000 dos sehari

"Kalau kita nak 'shift supply' untuk keseluruhan negara berdasarkan senarai PKPD yang sentiasa berubah, ia akan menjadi satu perkara yang agak rumit," katanya.

Kerajaan Selangor sebelum ini membuka PPV di Pangsapuri Mentari Court, Petaling Jaya, yang dikenakan PKPD sejak Khamis lalu.

PPV itu yang bermula semalam, menyasarkan untuk memberi vaksin COVID-19 kepada kira-kira 8,000 penduduk di Mentari Court.


**Disyorkan untuk anda** Recommended by



**Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihata...**
Berita Kisah Asia



**Japan's No. 2 raises possibility of joining US in...**
Nikkei Asia



**Start investing too and you could have a second...**
Smart Investment



**U.K. Prime Minister Boris Johnson Sells...**
Mansion Global

**Malaysian-born journalist Ed Yong wins Pulitzer...**
CNA
Read more

**The Cost of Funeral Services in Malaysia in...**
Funeral | Search Ads

**Retirement Villages Near Petaling Jaya Ar...**
Senior Living | Sponsor...

**Free On-time Rental...**
SPEEDHOME
Sign Up




ASIA Jul 6, 2021 @ 2:14pm

Negara lain pun boleh guna - Modi

## TRENDING



BOLA 3 jam yang lepas

EURO: Morata cipta sejarah



BOLA 3 jam yang lepas

Ronaldo sukar diurus - Sarri



KES 10 jam yang lepas

Panik terdengar bunyi loceng amaran



NASIONAL Jul 6, 2021 @ 4:42pm

Permohonan moratorium pinjaman dibuka esok, lulus automatik

## MYRESIPI



TIPS & PETUA Jul 6, 2021 @ 11:18am

Tips Bersihkan Blender Atau Pengisar Dengan Mudah, Confirm Hilang Segala Bau!



RESEPI Jul 6, 2021 @ 11:15am

Resepi Daging Kari Masak Kicap, Aroma & Rasanya Membangkitkan Selera Weh!



TIPS & PETUA Jul 5, 2021 @ 11:05am

Tips Cuci Siput Sedut Sehingga Hilang Lumpur & Segala Lendir, Memang Berhasil Lah!



RESEPI Jul 5, 2021 @ 11:03am

Jom Cuba Resepi Spring Roll Buah-Buahan, Sesuai Untuk Korang Yang Tengah Diet!



RESEPI Jul 2, 2021 @ 11:37am

Jom Cuba Resepi Kukkra Curry, Kari Ayam Original Dari Nepal


Wadah Pembaharuan BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:

BH MOBILE Download on the App Store GET IT ON Google Play

Download on the App Store

GET IT ON Google Play



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi